

kerjasama dengan
Sabah Benam, Selangor
PWTC, Kuala Lumpur, 31/10/2012 - 1/11/2012

Cabaran Usahawan Bumiputera Kitar Semula: Satu Tinjauan Di Kelantan Dan Terengganu

Oleh

Abu Hanifah Yusof
Unit Keusahawanan, Politeknik Kota Bharu
abuhanifah@pkb.edu.my

Mohd Rafi Yaacob
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan
rafi@umk.edu.my

Nik Mazlan Nik Husain
Unit Keusahawanan, Politeknik Kota Bharu
nikmazlan@pkb.edu.my

ABSTRAK

Dalam dua dekad kebelakangan ini aktiviti perniagaan kitar semula telah menjadi industri yang semakin diterima di seluruh dunia, termasuklah Malaysia. Kewujudan industri ini memberi peluang keemasan kepada usahawan untuk menjadikannya suatu perusahaan yang boleh diceburi dan sebagai kerjaya usahawan disamping meraih keuntungan. Perniagaan sebegini bukan sahaja memberi pulangan kepada pengusaha dari segi keuntungan wang ringgit dan peluang pekerjaan tetapi pada masa yang sama menyumbangkan kepada kebaikan alam sekitar kerana aliran sisa boleh dikurangkan apabila bahan dikitar semula - menyumbangkan pembangunan lestari di Malaysia. Industri ini unik kerana tidak ramai lagi usahawan-usahawan yang terlibat dengannya. Melihat kepada relevannya industri ini, kajian ini mengutip data dan seterusnya mengupas penglibatan usahawan bumiputera dan keusahawanan alam sekitar di Malaysia terutamanya di Kelantan dan Terengganu. Kajian ini telah meninjau cabaran-cabaran yang dihadapi dalam perniagaan mesra alam ini melalui temu bual yang dijalankan dengan 21 usahawan kitar semula di Kelantan dan Terengganu. Maklumat yang dikutip dari kajian berbentuk eksploratori ini telah mengenalpasti antara cabarannya ialah harga bahan kitar semula yang turun naik, masyarakat Melayu di Pantai Timor masih baru dan tidak berpengalaman, pandangan negatif masyarakat terhadap perniagaan kitar semula, kesukaran mendapatkan pekerja, isu kecurian dan juga kesukaran mendapatkan lesen dari pihak berkuasa. Satu model cabaran kepada industri ini telah dihasilkan dan *input* yang diperolehi amat berguna kerana ianya adalah gabungan pengalaman yang diperolehi daripada 21 usahawan kitar semula di kedua-dua negeri terlibat. Diharap dapatan kajian ini akan membantu bakal usahawan kitar semula dan usahawan yang sedia ada, pihak kerajaan dan juga penyelidik-penyelidik lain yang ingin mengkaji secara melebar dan mendalam tentang industri ini.

Kata kunci : usahawan kitar semula, pembangunan lestari, alam sekitar

1 Pengenalan

Sejak kebelakangan ini aktiviti perniagaan kitar semula telah pun menjadi industri yang semakin diterima di kebanyakan negara termasuklah Malaysia. Kewujudan industri ini memberi peluang keemasan kepada usahawan dan bakal usahawan untuk meraih keuntungan. Industri ini unik kerana berbeza dengan industri lain kerana ia melibatkan perniagaan bahan yang telah digunakan untuk menghasilkan barangan yang baru. Dari segi aspek pengurusan alam sekitar, aktiviti kitar semula boleh menyumbang kepada kebaikan alam sekitar kerana aliran bahan mentah boleh dikurangkan apabila bahan dikitar semula. Aktiviti sebegini walaupun kecil, mampu menyumbangkan kepada pembangunan lestari di Malaysia.

Di Malaysia dianggarkan lebih 23,000 tan sampah dihasilkan setiap hari pada tahun 2011 dan dijangka meningkat menjadi 30,000 tan pada tahun 2020 (Berita Harian, 18 Julai, Isnin 2011). Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT, 1988) dianggarkan pada tahun 2015 dengan populasi rakyat Malaysia sebanyak 31,773, 889 orang dengan jumlah sisa pepejal berjumlah 7.7 juta tan setahun. Jumlah ini akan terus meningkat sebanyak 9 juta tan setahun dengan populasi Malaysia pada waktu itu hampir 36 juta orang (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 1988, dipetik dalam Latifah Abd Manaf "Aplikasi Sistem Pintar dalam Pengurusan Sisa Pepejal, 2011).

Anggaran hasil sampah yang dipaparkan ini perlu dipandang sebagai satu peluang perniagaan dan tidak sepatutnya dianggap sebagai sesuatu yang bermasalah. Hakikat sebenarnya telah ada usahawan yang telah mengambil peluang ini dan telah menjadi usahawan kitar semula yang berjaya. Cuma persoalannya ialah kurangnya penglibatan kaum Melayu dalam industri ini. Sama juga seperti industri yang lain, perusahaan ini juga tidak dapat lari dari rintangan dan cabarannya, tetapi kerana keunikannya cabaran-cabaran yang dihadapi tentulah berbeza.

Kajian ini cuba melihat apakah cabaran yang dihadapi dan hasilnya turut memberi manfaat kepada usahawan dan bakal usahawan kitar semula kerana hasil penyelidikan boleh dijadikan panduan dan sempadan untuk berjaya dalam keusahawanan kitar semula. Di samping itu pihak berkuasa tempatan (PBT) boleh mendapat manfaat hasil penyelidikan kerana ia penting dari segi pengurusan sisa pepejal yang semakin hari semakin meningkat di Malaysia. Gabungan kerjasama berkonsepkan situasi menang-menang (*win-win situation*) antara usahawan kitar semula dan PBT penting ke arah pembangunan lestari di Malaysia.

2 Kepentingan Kitar Semula dan Pembangunan Lestari

Aktiviti kitar semula adalah satu aktiviti yang menyumbang kepada pembangunan lestari-alam sekitar, ekonomi dan sosial. Dari segi alam sekitar, perusahaan ini bukan sahaja mampu mengurangkan kemusnahan kepada alam semula jadi tetapi pada masa sama mengurangkan penggunaan bahan mentah untuk menghasilkan sesuatu bahan. Di samping itu kitar semula memastikan penggunaan sesuatu bahan menjadi lebih efisien kerana ia boleh diguna beberapa kali sebelum dibuang. Sesuai dengan takrifan pembangunan lestari yang diterima umum, penjimatan penggunaan bahan mentah penting untuk memastikan alam sekitar yang kita nikmati hari ini diwarisi oleh generasi akan datang.

Dalam masa yang sama aktiviti kitar semula boleh memanjangkan hayat pusat pelupusan sampah dan segali gus dapat mengurangkan gangguan ke kawasan baru untuk mewujudkan pusat tersebut. Buat masa ini Malaysia mengalami kekurangan tempat yang sesuai untuk dijadikan pusat pelupusan sampah. Sebanyak 16 tapak pelupusan sampah yang terletak di Lembah Kelang sudah penuh dan terpaksa ditutup. Penutupan pusat pelupusan sampah tidak bermakna ianya mudah dicari ganti. Biasanya masyarakat akan membantah dan merungut jika pusat kitar semula didirikan berhampiran tempat tinggal mereka. Akibatnya pusat pelupusan

yang baru dipilih berjauhan daripada bandar dan penempatan awam. Ini akan meningkatkan kos pengangkutan untuk melupuskan sampah. Isu ini boleh dikatakan kritikal di negara kita.

Kitar semula juga boleh menangani pelepasan gas karbon dioksida ke udara yang menyumbang pemanasan global kesan rumah hijau yang mempunyai kaitan dengan pencairan ais di kutub utara dan selatan yang seterusnya membawa peningkatan aras laut yang mengancam ekosistem pesisir pantai dan mendatangkan impak negatif kepada manusia.

Perniagaan kitar semula yang berkembang pesat pada masa ini turut mempunyai peluang yang cerah di masa akan datang. Ini kerana hasil pendapatan daripadanya berbanding dengan perniagaan lain agak lumayan sekiranya ia diusahakan secara serius. Perniagaan ini telah melahirkan ramai jutawan. Perniagaan ini yang dijalankan secara sampingan turut membeli pulangan yang menguntungkan. Contohnya, hasil usaha pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) menyumbang RM2,000 kepada golongan kurang bernasib baik melalui hasil jualan barangan terpakai yang dikitar semula dalam projek membudayakan 3R di universiti tersebut (Berita Harian, 28 September, 2007). Mengamalkan kitar semula bukan sahaja dapat menambahkan sumber pendapatan kepada pihak yang mengusahakannya tetapi pada masa yang sama mengekal persekitaran hijau malah pada masa yang sama meningkatkan jangka hayat pusat pelupusan sampah.

Sumber untuk memperolehi bahan kitar semula yang begitu luas dan sentiasa ada ini memudahkan lagi para usahawan kitar semula untuk menceburi diri dalam bidang perniagaan kitar semula ini. Dengan ada perniagaan kitar semula secara lebih aktif, sebenarnya dalam masa yang sama usahawan ini bersama-sama meneruskan agenda pembangunan lestari negara.

3 Definisi Usahawan Kitar Semula.

Secara literal, perkataan usahawan kitar semula ialah gabungan di antara dua perkataan iaitu usahawan dan kitar semula. Dari segi istilah bahasa, perkataan "usahawan" diertikan dalam Kamus Dewan (2007:1782) sebagai "orang yang mengusahakan sesuatu perusahaan, pengusaha". Mengikut Kamus Dewan (2007:797) "Kitar semula" dirujuk "benda (spt surat khabar, botol kaca) yang diproses supaya dapat digunakan semula". Manakala mengikut Wikipedia Bahasa Melayu Ensiklopedia Bebas, kitar semula ialah proses mengolah semula bahan untuk menghasilkan barangan yang baru. Ringkasnya usahawan kitar semula ialah seseorang yang menjalankan perniagaan yang berkaitan dengan bahan yang telah digunakan sebagai input dalam menghasilkan sesuatu produk atau menyediakan sesuatu proses atau aktiviti.

4 Matlamat Penyelidikan

Walau pun keusahawan kitar semula memainkan peranan dalam konteks pembangunan lestari, tetapi ianya penglibatan kaum Melayu masih lagi pada tahap yang kurang membanggakan. Banyak persoalan-persoalan berkaitan aktiviti ini dengan usahawan Melayu boleh dikemukakan. Tetapi kertas kerja ini hanya tertumpu kepada skop yang agak kecil. Matlamat utama penyelidikan ini ialah mengkaji apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh usahawan kitar semula Melayu di Kelantan dan Terengganu. Industri ini dipilih kerana ia terlibat dalam kegiatan kitar semula, iaitu kegiatan yang berkembang dengan pesat di Malaysia pada masa ini. Walau bagaimanapun secara relatifnya masih lagi kurang usahawan Melayu yang berkecimpung dalam perusahaan ini yang dimonopoli oleh kaum India dan Cina. Kedua-dua negeri Kelantan dan Terengganu dipilih kerana mereka mempunyai peratus Melayu tertinggi di Malaysia berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia yang terlibat sebagai usahawan dalam perniagaan ini.

5 Kajian Lepas Cabaran Usahawan Melayu

Pada masa ini penyelidikan akademik berkaitan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Melayu lebih tertumpu kepada soal-soal berkaitan mikro-kredit (Sudin, dan Bala, 1994; Mohd Asri, 1997, Rosman *et al.* 2004), *franchise* (Abu Bakar dan Rohaizat, 2003), strategi perniagaan (Mohd Rafi dan Syed Ihsan, 2002), sumber manusia (Wyer dan Mason, 1998; Hooi, 2006), teknologi maklumat (Moha Asri, 2002; Foong, 1993) dan prestasi dan daya saing (Mohd. Rosli, 2000). Setakat ini hanya ada beberapa penyelidik tempatan yang menjalankan kajian PKS yang melibatkan kitar semula (Mohd Rafi, 2007, Mohd Rafi, 2009, Zaini Sakaawi, Katiman Rostam & Abd. Rahim Md. Nor, 2008). Justeru, kajian sebegini sedikit sebanyak dapat mengisi kekosongan atau lowongan kajian dan seterusnya cuba mengurangkan jurang maklumat berkaitan perusahaan kitar semula di dalam negara secara khusus usahawan Melayu di Kelantan dan Terengganu.

Umumnya terdapat beberapa cabaran usahawan Melayu dalam perniagaan. Kekurangan kemahiran dan kelemahan dalam berbagai perkara telah dilihat sebagai halangan dan cabaran kepada usahawan untuk terus berjaya. Zaidatol dan Habibah, (1997) mendapati faktor kelemahan usahawan dalam teknologi, kekurangan pekerja mahir, kekurangan kemahiran dan pengetahuan pengurusan dan ketidakmampuan untuk mendapat premis perniagaan yang sesuai merupakan cabaran dalam meneruskan perniagaan. Seterusnya Humam dan rakan-rakan (1992) mendapati punca kegagalan perniagaan PKS ialah kerana pengurusan yang lemah, kelemahan pemasaran dan kewangan, faktor perundangan dan peraturan serta faktor peribadi usahawan itu sendiri.

Kegagalan untuk menghayati dan mengamalkan nilai-nilai positif, tidak mampu berfikir secara kreatif dan inovatif dan gagal menghadapi risiko juga merupakan cabaran kepada penambahan bilangan usahawan bumiputera. Menyedari hakikat itu, kerajaan telah mengambil langkah untuk mengatasi kelemahan ini. Kementerian Pendidikan juga memainkan peranan penting mewujudkan pelapis usahawan melalui program seperti Usahawan Muda dan Briged Usahawan (Zaidatol *et al.* 1998). Ini diakui oleh Shahril (1993) yang menyatakan pendidikan perdagangan dan keusahawanan telah lama wujud di Malaysia. Program pembudayaan keusahawanan juga turut dilaksanakan di IPTA secara pendedahan awal kepada pelajar bagi membentuk pelapis usahawan yang mempunyai nilai-nilai positif, kreatif dan inovatif. Usaha untuk membentuk nilai-nilai murni dan usahawan yang kreatif dan inovatif secara beransur-ansur mula diterap dengan matlamat untuk mengubah nilai dan sikap bumiputera ke arah perubahan positif. Pembudayaan keusahawanan yang diusahakan oleh kerajaan berharap agar golongan usahawan bumiputera yang masih ketinggalan dari segi daya cipta, amalan perniagaan yang baik dan semangat bekerja yang gigih akan berubah. Budaya niaga dan keusahawanan dan kesanggupan menanggung risiko juga masih belum dihayati sepenuhnya oleh masyarakat peniaga bumiputera.

Kelemahan dalam menguasai pengurusan kewangan kerana kurang pengetahuan juga menjadi faktor kegagalan usahawana, khususnya bumiputera. Fakta ini disokong oleh Sieh (1990) dalam kajiannya tentang profil usahawan Malaysia. Pendapat yang sama diutarakan oleh Timmons (1985) apabila beliau mengatakan asas pendidikan keusahawanan adalah kemahiran teknikal dan kewangan. Manakala Hess (1987) dan Kent (1990) menyarankan aspek pengurusan dan pemasaran adalah penting untuk kejayaan usahawan.

Menurut Zaidatol *et al.* (1997) terdapat banyak syarikat yang muflis kerana pemiliknya tidak mempunyai pengetahuan yang cukup dalam menangani keadaan pasaran yang sentiasa berubah. Tambah beliau lagi perniagaan hari ini hendaklah berorientasikan pemasaran. Syarikat yang ingin membentuk dan mengeluarkan barangan tanpa mengambil kira kemudahan dan keperluan pelanggan akan menghadapi masalah. Dengan mengambil kira perkembangan perniagaan secara global aplikasi konsep pemasaran ini perlu diberi tumpuan yang lebih.

Mengikut Drucker (1963) dua fungsi utama untuk sesebuah perniagaan ialah pemasaran dan inovasi. Pandangan ini juga disokong oleh Barnes, Pynn dan Noonam (1982) bahawa kebanyakan firma gagal setiap tahun kerana mereka tidak berupaya untuk menentukan sasaran

pasaran. Ini juga dipersetujui oleh Cohen dan Reddich (1981) bahawa kegagalan sesuatu perniagaan itu adalah hasil daripada cara pemasaran yang salah. Memandangkan usahawan dalam kajian ini berskala kecil, Tootelian dan Goedeka (1985) pernah menyatakan bahawa sepatutnya mereka yang berkecimpung dalam perniagaan yang begini mendapat kelebihan dalam aspek: perkhidmatan pelanggan secara peribadi, pengetahuan tentang pelanggan dan pasaran, hubungan rapat dengan komuniti, pendekatan secara peribadi dengan pekerja dan pengurusan yang anjal. Malangnya usahawan Bumiputra dalam kajian mereka tidak menunjukkan ciri-ciri yang positif dalam menguasai kemahiran pemasaran

6 Kaedah Penyelidikan

Pemilihan Usahawan Kitar Semula

Bertentangan dengan kajian kuantitatif, pemilihan sampel kajian ini adalah mengikut kesesuaian dan kemudahan mendapatkan kerjasama daripada responden dan juga lokasi premis kitar semula. Berdasarkan senarai nama usahawan kitar semula daripada kesemua pihak berkuasa tempatan (PBT) di Kelantan dan Terengganu, penyelidik-penyelidik mengenalpasti responden yang berpotensi. Mana-mana senarai usahawan dan perniagaan kitar semula yang mempunyai nombor telefon dihubungi terlebih dahulu untuk mendapatkan persetujuan dan menetapkan masa dan tempat temu bual, sebaliknya mana-mana nama yang tidak mempunyai nombor telefon penyelidik melawat premis mereka mengikut PBT masing-masing. Perjalanan diatur untuk memastikan hanya PBT tertentu dilawati pada sesuatu masa untuk mempercepatkan masa dan mengurangkan kos pengangkutan dan penginapan. Walau bagaimanapun jika usahawan tidak berada di premis sewaktu lawatan, nombor telefon bimbit mereka diambil untuk membuat temu janji

Temu bual

Kajian ini melibatkan kajian kualitatif di mana ia melibatkan temu bual dengan 21 pengusaha-pengusaha kitar semula Melayu yang menjalankan aktiviti kitar semula di Kelantan dan Terengganu. Temu bual ini diadakan secara berkala yang dijangkakan mengambil masa lebih kurang 5 bulan (Disember 2010-April 2011). Setiap temu bual akan mengambil masa di antara 45 minit hingga 1 jam setengah bergantung kepada kelapangan dan keselesaan responden. Semasa temu bual usahawan bebas menggunakan bahasa yang mereka selesa, dalam kes ini dialek Kelantan dan Terengganu. Temu bual dirakam dengan MP3 dengan kebenaran responden. Kebanyakan temu bual diadakan di premis responden dipelusuk negari Kelantan dan Terengganu. Hampir kesemua daerah di kedua-dua negeri tersebut terlibat. Kebanyakan temu bual dijalankan di premis perniagaan dan ada juga yang dijalankan di luar premis atas alasan tidak mahu ada gangguan pelanggan. Umumnya usahawan memberi kerjasama yang baik dalam menjayakan penyelidikan ini.

Pemerhatian

Di samping temu bual, penyelidik juga mengadakan pemerhatian terhadap premis kitar semula yang dilawati. Ini melibatkan pemerhatian jenis barangan yang dikitar semula yang terletak di premis perniagaan atau hadapan rumah responden mahupun persekitaran premis perniagaan. Biasanya, barangan ini akan disisih dan disusun mengikut kualiti barangan kitar semula. Penyelidik juga membuat pemerhatian tentang peralatan yang ada di premis. Peralatan yang dilihat ialah jenis alat penimbang, jentera escavator bermagnet, mesin pemampat, mesin

penghancur dan juga kenderaan yang digunakan oleh usahawan. Di samping itu, penyelidik juga memerhati barangan dan gelagat mereka yang menjual barang kitar semula di premis terlibat.

Ini penting untuk mendapat gambaran yang jelas dan seterusnya mencatatkan aktiviti harian pembelian dan penjualan barangan kitar semula. Ini memberi maklumat tentang lokasi kitar semula, menjawab soalan siapa penjual barangan kitar semula, aktiviti-aktiviti seharian. Selain itu penyelidik turut memerhati sejauh mana usahawan kitar semula mementingkan alam sekitar. Ini boleh dilihat bagaimana mereka menguruskan bahan-bahan yang merbahaya seperti bateri kereta dan juga bagaimana bahan-bahan yang tersebut dilonggokan. Di samping itu penyelidik juga memerhati sama ada usahawan melakukan pembakaran terbuka untuk mendapatkan bahan-bahan tertentu seperti tembaga dan sebagainya.

7 Demografi Usahawan Kitar Semula

Jadual 1 menunjukkan demografi usahawan kitar semula yang terlibat dalam penyelidikan ini. Usahawan kitar semula Kelantan dan Terengganu terlibat dalam kajian, di mana majoriti (67%) adalah dari Kelantan. Dari segi jantina pula majoriti (67%) adalah lelaki. Sebahagian besar umur usahawan terlibat dalam kajian antara 31-40 tahun dan 41 hingga 50 tahun, masing-masing adalah 38%. Didapati sebahagian besar usahawan kitar semula hanya lulus setakat SPM sahaja (48%). Dari segi umur perniagaan majoriti mereka menjalankan perniagaan antara 5-10 tahun (52%).

JADUAL 1: Demografi usahawan Kitar Semula

Demografi	Frekuensi	Peratus
Negeri		
Kelantan	14	67%
Terengganu	7	33%
Jantina		
Lelaki	14	67%
Perempuan	7	33%
Umur		
31-40 tahun	8	38%
41-50 tahun	8	38%
>50 tahun	5	24%
Kelulusan		
Diploma	1	5%
SPM	10	48%
SRP	6	29%
Sekolah Rendah	4	19%
Umur Perniagaan		
< 5 tahun	4	19%

5 - 10 tahun	11	52%
>10 tahun	6	29%

8 Cabaran Dalam Perniagaan Kitar Semula.

Hasil temu bual dijalankan penyelidik mendapati antara cabaran yang dihadapi oleh usahawan kitar semula adalah seperti harga bahan kitar semula yang sentiasa turun naik, masyarakat yang tidak mementingkan amalan kitar semula dan memandang rendah terhadap perniagaan kitar semula ini dan masyarakat Melayu yang masih lagi baru dalam bidang kitar semula. Selain itu, cabaran dari segi reputasi perniagaan kitar semula, masalah barangan curi dan cabaran terakhir yang dikenalpasti semasa temu bual bersama responden adalah masalah pengeluaran lesen kitar semula yang terhad.

Harga bahan kitar semula seperti harga minyak mentah, bergantung kepada harga di pasaran dunia. Naik dan turunnya bahan kitar semula mengikut permintaan dan penawaran bahan tersebut. Sebagai contohnya sewaktu persediaan Sukan Olimpik di Beijing, China pada tahun 2008, disebabkan oleh permintaan besi dunia yang tinggi untuk pembinaan stadium sukan, harga besi melambung naik sehingga mencecah RM 1.70 sekilogram jika dijual ke pusat pengumpulan bahan kitar semula. Tetapi, pada masa sekarang (setelah siapnya pembinaan stadium dan berlangsungnya sukan tersebut di China) harga besi lusuh turun mendadak ke paras terendah iaitu RM0.74 sekilogram, mengalami kemerosotan harga dari dua kali ganda.

Segolongan besar masyarakat Malaysia yang tidak begitu mementingkan amalan kitar semula dan telah menjadi sebahagian cabaran dalam bidang perniagaan kitar semula. Memang tidak dapat dinafikan kesedaran rakyat Malaysia terhadap kepentingan alam sekitar telah meningkat, namun tidak begitu dalam kes pembuangan sampah sarap. Rata-rata rakyat di negara ini termasuklah di Kelantan dan Terengganu melihat sampah sebagai sesuatu yang tiada nilai harga dan tempat yang layak baginya adalah tong sampah. Maksudnya di sini, kebanyakan masyarakat masih membuang bahan kitar semula ke dalam tong sampah, tanpa memikirkan soal alam sekitar. Ini menyebabkan pengusaha terpaksa membuat perjalanan yang agak jauh untuk mendapatkan bahan kitar semula. Malah terpaksa mengeluarkan kos bagi mengutip bahan kitar semula tersebut.

Di samping itu masyarakat Malaysia menganggap kitar semula bahan buangan sebagai satu perkara remeh. Sebahagian besar bahan yang boleh dikitar semula dilupuskan begitu sahaja pada hal sampah tersebut sekiranya dikumpulkan dan diasingkan ianya boleh menyumbang kepada sumber kewangan kepada individu ataupun isi rumah itu sendiri, dan yang paling penting secara tidak langsung dapat menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.

Kitar semula adalah aktiviti yang bergelumang dengan bahan buangan dan bahan kekotoran. Oleh sebab stigma di atas ia tidak dapat menarik minat bakal usahawan dan juga dalam hal-hal ini sedikit sebanyak boleh melemahkan semangat usahawan sedia ada dalam bidang ini. Mungkin tidak salah jika dikatakan, usahawan Melayu lebih berminat kepada perniagaan yang nampak lebih *glamour*. Tidak hairanlah sewaktu temu bual bersama responden di Kelantan dan Terengganu rata-rata mengatakan bahawa masyarakat memandang perniagaan ini sebagai sesuatu yang kotor, busuk dan hina.

Ekoran pandangan negatif terhadap perniagaan ini, timbul pula masalah kesukaran mendapatkan pekerja. Di mana penyelidikan ini mendapati semasa temu bual dijalankan responden menyatakan bahawa orang-orang muda sekarang tidak suka bekerja dalam perniagaan kitar semula, ini menyebabkan sesetengah responden terpaksa mengambil pekerja asing untuk membuat kerja-kerja pengasingan barang-barang kitar semula. Pekerja tempatan pula yang sentiasa memohon cuti dan terus berhenti kerja setelah mendapat gaji pertama membawa masalah kepada usahawan kitar semula. Begitu juga dengan pekerja asing yang ingin pulang ke

negara masing-masing setelah tamatnya permit kerana tidak mahu bekerja dalam bidang kitar semula ini juga menjadi masalah kepada usahawan kitar semula. Pengurusan permit pekerja asing yang mahal, rumit dan mengambil masa yang lama juga menjadi masalah kepada usahawan kitar semula

Institusi kewangan juga melihat sampah yang dibuang tiada nilai dan ia merupakan perniagaan yang tidak berdaya maju dan tidak menarik. Hasil temubual mendapati ada pengusaha yang pernah berusaha untuk membuat pinjaman untuk mengembangkan perniagaan kitar semula beliau ditolak mentah-mentah oleh salah sebuah bank kerana pihak bank tidak yakin dengan industri ini.

Kurangnya sokongan institusi kewangan memburukkan keadaan kekurangan modal yang dihadapi, pengusaha Melayu rata-rata tidak mampu menyediakan pengangkutan yang sempurna. Mereka hanya mampu menggunakan lori kecil yang uzur, yang kadang kala rosak di tengah jalan dan perlu dibaiki menghalang mereka memaksimumkan pembelian barangan kitar semula. Usahawan yang hanya mempunyai sebuah lori yang kecil terpaksa berulang kali untuk memunggah barangan kitar semula yang banyak. Keadaan ini akan menyebabkan kos pengangkutan bertambah dan secara tidak langsung mengurangkan kadar keuntungan kepada usahawan.

Kekurangan modal, pengetahuan, prasarana dan kemahiran pengurusan juga menyebabkan tidak ramai usahawan Melayu yang mengendalikan pusat pembelian bahan kitar semula yang besar rata-ratanya masih dikuasai oleh kaum India dan Cina. Mengikut beberapa usahawan yang telah ditemu bual dalam kajian ini, didapati untuk menjadi pengusaha kitar semula memerlukan modal yang amat besar. Boleh mencecah sejuta ringgit. Di samping wang tunai yang banyak kerana urusniaga dijalankan secara tunai, pengusaha juga memerlukan aset lain seperti bangunan sebagai pejabat dan keluasan tapak yang mencukupi untuk menempatkan pelbagai bahan kitar semula. Ini tidak termasuk gaji pekerja, kos utiliti seperti air dan elektrik. Di samping itu juga mereka turut memerlukan jentera berat seperti penimbang kenderaan, *forklift* dan juga escavator bermagnet untuk mengangkat dan menyusun bahan kitar semula. Prasarana ini telah menjadi sesuatu kemestiaan untuk melicinkan kerja-kerja seharian di premis kitar semula.

Dari segi peralatan pula didapati kebanyakan usahawan India telah pun berjaya dalam industri ini, mereka mempunyai penimbang kenderaan, di mana lori mengandungi bahan kitar semula akan naik ke atas penimbang tersebut dan beratnya dibaca di pejabat, peralatan escavator bermagnet yang boleh menarik besi memudahkan kerja-kerja mengangkut bahan kitar semula ke atas treler dan juga kerja-kerja menyisih dan menyusun bahan kitar semula. Kebanyakan peralatan sebegini tidak dimiliki oleh usahawan kitar semula Melayu di Kelantan dan Terengganu. Kekurangan modal untuk membeli peralatan seperti itulah menyebabkan usahawan Melayu terpaksa menggunakan tenaga manusia yang banyak dan mengurangkan keuntungan kerana kos yang tinggi terpaksa dikeluarkan. Begitu juga dengan pengangkutan sepatutnya dalam sehari boleh memuatkan tiga tan bahan kitar semula tetapi dengan lori kecil dimiliki oleh usahawan Melayu hanya boleh memuatkan hanya satu tan sahaja.

Di samping itu juga, beberapa responden juga memberitahu bahawa pelapis muda pada masa sekarang kurang dan tidak menunjukkan minat untuk mewarisi perniagaan ini. Malah sifat malu yang ada pada masyarakat Melayu khususnya golongan muda masa kini menjadi penghalang kepada perkembangan industri ini. Situasi ini dapat dilihat apabila rata-rata responden yang ditemu bual berumur lingkungan 35 tahun. Sedangkan perniagaan ini merupakan satu perniagaan yang menguntungkan dan mempunyai potensi tinggi untuk dikembangkan serta secara langsung dapat melestarikan alam sekitar.

Cabaran yang paling membimbangkan usahawan kitar semula adalah cabaran dari segi masalah kecurian. Mereka yang tidak bertanggungjawab mencuri kabel, besi mahupun lain-lain


bahan untuk dijual di pusat pengumpulan bahan kitar semula (Berita Harian, 21 April 2005; Berita Harian 22 June 2006). Daripada 21 orang responden yang telah ditemu bual sebanyak 13 orang responden mengatakan bahawa cabaran paling membimbangkan adalah cabaran dari segi barangan curi. Masalah kecurian ini merupakan salah satu risiko yang tinggi dalam perniagaan kitar semula yang mana masalah ini akan menjadi penghalang untuk perniagaan kitar semula ini untuk terus berkembang maju. Kecurian di sini boleh dibahagikan kepada dua iaitu, barangan kitar semula yang dicuri kemudian dijual di pusat pengumpulan kitar semula, kedua pula kecurian dari segi timbangan dan juga ketidakjujuran pekerja usahawan kitar semula.

Masalah kecurian yang kedua pula dikaitkan dengan kecurian dari segi timbangan dan juga ketidakjujuran pekerja usahawan kitar semula. Di mana pekerja mengubah ukuran timbangan menyebabkan ukuran timbangan sebenar berkurangan dan kemudian menjual dengan timbangan sebenar kepada pusat pengumpulan kitar semula. Begitu juga dengan mencuri barangan kitar semula yang dibeli dengan menyimpan sebahagian barang kitar semula di tempat lain dan mengambil untung dengan menjual barang kitar semula tersebut. Selain itu ketidakjujuran pekerja seperti membeli barangan kitar semula dengan harga jauh lebih murah daripada yang diketahui oleh majikan juga merupakan cabaran dalam perniagaan kitar semula ini.

Cabaran terakhir yang dapat dilihat di dalam perniagaan kitar semula ini adalah cabaran dari segi kesukaran mendapatkan lesen perniagaan. Kesukaran mendapatkan lesen kitar semula sedikit sebanyak menyebabkan usahawan sukar melakukan aktiviti kitar semula. Menurut responden yang ditemu bual mendapati proses terlalu lama untuk mendapatkan lesen menyebabkan ramai yang tidak menceburi bidang ini. Jika berani menceburi pun mereka menjalankan perniagaan secara haram. Lesen perniagaan kitar semula ini perlu diperolehi dari pihak majlis dan juga pihak polis. Daripada 21 responden yang ditemu bual 8 orang daripadanya mengatakan bahawa kesukaran mendapatkan lesen menjadi salah satu cabaran kepada usahawan kitar semula. Ini komen salah seorang dari responden yang ditemu bual "individu yang menjalankan tidak berani untuk berniaga disebabkan tiada lesen".

Hasil kajian cabaran ini akhirnya diterjemahkan dalam bentuk model seperti yang ditunjukkan seperti rajah 1.

Rajah 1 : Model Cabaran Usahawan Kitar Semula



Kesimpulan

Model Usahawan Kitar Semula Melayu Berjaya dihasilkan berdasarkan penelitian dan penganalisaan data kualitatif yang melibatkan temubual dan pemerhatian di lapangan yang melibatkan 21 usahawan dalam industri di Pantai Timur, Semenanjung Malaysia. Melihat kepada model yang dihasilkan, penglibatan pihak kerajaan, kesedaran masyarakat dan kesediaan usahawan itu sendiri untuk berubah sangat diharapkan demi untuk melihat keuntungan dapat diperolehi hasil kitar semula ini. Model yang dihasilkan adalah model awalan yang perlu lagi diperhalusi melalui pengujian yang melibatkan usahawan Melayu di tempat lain dan juga melibatkan kajian kuantitatif. Penghasilan model ini diharap dapat memberi panduan kepada usahawan yang sedia ada dan bakal usahawan dalam industri kitar semula di Malaysia.

Senarai Rujukan

- Abu Bakar A. H., & Rohaizat B. (2003). *Franchising as a tool for small medium enterprise: A study on critical success factors*. Proceedings of the 1st. International Conference of Asian Academy of Applied Business, 10-12 Julai, Kota Kinabalu, Sabah.
- Barnes, J. G., G. A. Pynn dan A. C. Noonan (1982). *Marketing research: some basics for small business*. Journal of Small Business Management
- Cohen, W. Dan M. Reddick. (1981). *Successful Marketing for Small Business*. New Management Association 2.
- Drucker P.F. (1963). *What is a business? Marketing and Advertising*. p. 9. New York: McGraw Hill.
- Hess, D. W. (1987). Relevance of small business courses to management needs. *Journal Of Small Business Management*, 25(1), 26-34.
- Hooi L.W. (2006). *Implementing e-HRM: The Readiness of Small and Medium Sized Manufacturing in Malaysia*. Asia Pacific Business Review, 12(4), 465.
- Humam Hj. Muhamed, Ismail Hj. Abdul Wahab, Lan Too Kya, Mohamed Dahlan Ibrahim dan Rahmat Mohamed. (1992). *Kegagalan perniagaan di Malaysia*. Laporan Institut Penyelidikan. Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia, Institut Teknologi MARA.
- Moha Asri Abdullah. (2002). *Entrepreneurs and their influence on usage of IT in SMEs: Evidence from Malaysia*. Journal of Small Business and Entrepreneurship. 16(2),60.
- Mohd Rafi Yaacob. *Perniagaan Kitar Semula: Kajian Awal Pengusaha-Pengusaha PKS Di Kelantan. Persidangan Kebangsaan Industri Kecil Dan Sederhana*. 4-5 Disember (2007). Magellan Sutera Harbour, Kota Kinabalu, Sabah. Anjuran Fakulti Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Rosli Mohamad (2000). "*Industri Kecil Dan Sederhana, Landasan Pembangunan Usahawan*". Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Shahril Marzuki, Charil Marzuki. (1993) *Pendidikan di Malaysia* Publication Information: Kuala Lumpur : Utusan Publication

- Sieh Lee Mel Ling. (1990). Malaysian industrial and entrepreneur profile. *Malaysian Management Review*, 25(2), 3-10.
- Timmons J. A., L. E. Smollen Dan A. L. M. Dingee. (1985). *New Venture Creation*. Edisi kedua. Homewood, Illinois: Irwin.
- Tootelian, D. Dan R. Gaedeke. (1985). *Small Business Management*. Edisi kedua. Glenview: Scott, Foresman.
- Wyer, Peter, and Jane Mason (1998). "An Organizational Learning Perspective to Enhancing Understanding of People Management in Small Businesses." *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*, 4(2), 112-128.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Habibah. (1997). *Keusahawanan dan motivasi diri*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Mohd. Majid Konting, Abd. Rahim Bakar dan Genevie Klang anking (1998). Aspirasi keusahawanan pelajar sekolah menengah yang mengikuti Mata pelajaran Vokasional dan Teknik. Fakulti Pengajian Pendidikan. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Zaini Sakawi, Katiman Rostam & Abd. Rahim Md Nor (2008). "Kepentingan Pertumbuhan Premis Kitar Semula Dalam Pengurusan Sisa Di Malaysia." dlm Jurnal e-Bangi, Jilid 3, Bilangan 3, Januari-Disember, 10:online
<http://www.scribd.com/doc/53228699/Kepentingan-PertumbuhanPremis-Kitar-Semula-DalamPengurusan-Sisa-Di-Malaysia>.